# WAZAN keluar RM20 ribu bantu 400 pelajar UPM pulang beraya



SERDANG, 25 Mei - Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM) menyediakan peruntukan RM20 ribu bagi menaja sembilan bas untuk membawa pulang 400 orang pelajar asnaf UPM secara percuma ke kampung halaman masing-masing ke seluruh semenanjung.

Program khas yang diberi nama JOM BALIK RAYA bersama WAZAN menyaksikan pelepasan konvoi sembilan bas oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris pada jam 9.00 pagi di sini.

"Saya bagi pihak universiti mengucapkan selamat pulang ke kampung halaman kepada pelajar-pelahar untuk menyambut lebaran bersama keluarga tersayang. Semoga perjalanan ini dipermudahkan dan selamat tiba ke destinasi masing-masing" katanya.



Turut hadir sama ialah Pengarah WAZAN UPM, Dr. Hj. Razali Othman, Ketua Seksyen Pengurusan Zakat dan Pembangunan Asnaf, Ustaz Zuhaimi Abdul Rahim dan Ketua Seksyen Pengurusan Dana Wakaf Ilmu UPM, Ustaz Nuruliman Ibrahim.

Seorang pelajar Muhammad Faiz berkata program tersebut sangat baik dan patut diadakan pada setiap tahun menjelang akhir Ramadan.

"Saya rasa terharu kerana pelbagai bantuan kewangan disediakan oleh WAZAN UPM untuk pelajar yang kurang kemampuan, khususnya dalam kalangan asnaf, " katanya yang akan pulang ke Sungai Petani.

Wan Noratikah, pelajar yang akan pulang ke Pasir Mas berkata program itu membantu bagi meringankan kos pengangkutan ramai pelajar selain memudahkan urusan perjalanan masing-masing.

Tarikh Input: 11/07/2019 | Kemaskini: 11/07/2019 | hairul_nizam



pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

(http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(http://www.learninghub.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/)
(https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
(http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)
(http://emel.upm.edu.my)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2019 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1563178970